

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	PRU link Asia opportunities fund (USD) (“Dana”) bertujuan untuk memaksimumkan pertumbuhan modal dalam jangka masa panjang terutamanya melalui portfolio asset di Asia termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, deposit, mata wang, derivatif atau mana-mana instrumen kewangan lain secara langsung, dan / atau secara tidak langsung melalui mana-mana dana.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana ini akan melabur terutamanya dalam dana-dana pelaburan [Dana Sasaran] untuk mencapai objektif pelaburan. Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan atau Dana Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana. Nota: Rujuk kepada maklumat tambahan untuk butir-butir Dana Sasaran.
Peruntukan Aset	Dana ini akan melabur sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana-dana Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Baki Nilai Aset Bersih (NAV) Dana akan dilaburkan dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	Piawaian prestasi aras akan berubah mengikut Dana Sasaran. Pada permulaan, piawaian prestasi adalah: 100% MSCI AC Asia ex-Japan Index <i>Untuk maklumat lanjut mengenai piawaian prestasi aras, sila rujuk www.msci.com.</i>
Pengurus Dana	Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)
Yuran & Caj	
Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

Sila ambil perhatian bahawa dana **PRU**link global bukan dana patuh Syariah dan prestasi pelaburan dana **PRU**link global tidak dijamin.

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana

PRUlink Asia opportunities fund (USD) ialah dana yang baru. Dana ini tiada prestasi sejarah lagi.

Notis: Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanyalah prestasi dana pelaburan / pendasar dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembayaran premium untuk pelan insurans berkaitan pelaburan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left[\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n-1} - 1 \right] \%$$

Maklumat Tambahan untuk PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Pada permulaan, Dana ini akan melabur dalam Dana Sasaran denominasi USD yang bernama BlackRock Global Funds ("BGF") Asian Growth Leaders Fund (Kelas I) ("Dana Sasaran") yang diuruskan oleh BlackRock (Luxembourg) S.A.

Dana Sasaran bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dengan melabur sekurang-kurangnya 70% dari jumlah asetnya dalam sekuriti ekuiti syarikat yang bermastautin, atau menjalankan sebahagian besar kegiatan mereka di Asia, tidak termasuk Jepun. Dana Sasaran boleh melabur sehingga 30% dari jumlah asetnya di Republik Rakyat China ("PRC") melalui Stock Connect and Renminbi Qualified Foreign Institutional Investor ("RQFII") Quota. Dana Sasaran juga boleh melabur di pasaran baru muncul (seperti India, Korea Selatan dan Taiwan).

Dana Sasaran memberikan penekanan khusus kepada sektor dan syarikat yang memperlihatkan ciri-ciri pelaburan pertumbuhan, seperti kadar pertumbuhan purata pendapatan yang lebih tinggi atau jualan dan pulangan yang tinggi atau peningkatan modal. Syarikat-syarikat sedemikian juga mungkin telah mencapai atau mempamerkan potensi untuk mencapai bahagian pasaran purata yang lebih tinggi dalam geografi yang mereka beroperasi, atau dalam satu atau lebih produk atau perkhidmatan dalam sektor utamanya.

Tertakluk kepada sekatan peraturan dan garis panduan dalaman yang berkaitan, baki 30% boleh dilaburkan dalam instrumen kewangan syarikat atau pengeluar mana-mana saiz dalam mana-mana sektor ekonomi di seluruh dunia seperti sekuriti ekuiti selaras dengan objektif dan wang Dana Sasaran. Dana Sasaran tidak dijangka melabur 10% lebih daripada NAV dalam sekuriti hutang yang diterbitkan dan / atau dijamin oleh mana-mana negara berdaulat yang berikan nilai gred bukan pelaburan.

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

Dana Sasaran boleh menggunakan derivatif untuk melindungi nilai dan pengurusan portfolio yang cekap.

Prestasi dana BlackRock Global Funds ("BGF") Asian Growth Leaders Fund (Kelas I) pada 31 Ogos 2018 adalah seperti berikut:

Tempoh	1-Bulan	3-Bulan	6-Bulan	1-Tahun	3-Tahun	Sejak Pemulaan (23 July 2014)
Asas	Bukan-Tahunan			Tahunan		
Prestasi Bersih	-4.62%	-10.32%	-12.34%	-5.28%	11.88%	7.90%

Nota: Pulangan di atas adalah untuk Dana Sasaran (Kelas I2) yang berdominasi dalam USD.

Sumber: Morningstar, 31 Ogos 2018

Caj pengurusan dana boleh dikenakan pada pada peringkat Dana dan/atau Dana Sasaran. Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50% setahun, yang merupakan caj pengurusan dana gabungan pada peringkat Dana dan Dana Sasaran.

Dana-dana Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Bursa ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif yang lain mungkin dikenakan yuran tambahan pada peringkat Dana Sasaran, di mana yuran tersebut telah dipertimbangkan sebagai sebahagian strategi pelaburan untuk meningkatkan prestasi dana.

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

Risiko-Risiko Pelaburan untuk PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit-unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

Risiko-risiko Umum apabila melabur dalam Dana ini

Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran adalah umumnya, dijejaskan oleh, di antara lain-lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran yang dilaburkan oleh Dana ini mengalami kelembapan atau ketidakstabilan akibat situasi ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan Dana ini.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat.

Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

Risiko Kredit / Kemungkiran

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkiran sekiranya penerbit instrument tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkaran dalam pembayaran utama dan faedah.

Risiko Ketidakpatuhan

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidakpatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka memberi kesan negatif kepada nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

Risiko Tumpuan

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh dikurangkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

Risiko Syarikat Pengurusan

Prestasi Dana ini bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya terdapat kekurangan apa-apa kualiti-kualiti di atas oleh syarikat pengurusan, ia boleh memberi kesan negatif kepada prestasi dana unit amanah.

Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam USD, manakala Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang USD dan mata wang Dana Sasaran. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

Risiko Derivatif

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

melabur dalam Dana Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada risiko mata wang. Dana ini boleh melabur sehingga 100% daripada Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam instrumen derivatif.

Risiko Portfolio

Dana ini bertujuan untuk pelabur yang boleh menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti yang dipegang dalam Dana. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan ekuiti dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, termasuk naik turun harga pasaran, penerbit buruk atau maklumat pasaran dan hakikat bahawa ekuiti dan faedah yang berkaitan dengan ekuiti adalah lebih rendah dalam hak pembayaran dari sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan sekuriti hutang termasuk risiko kredit dan risiko kadar faedah, dan risiko tambahan yang berkaitan dengan sekuriti hutang hasil tinggi, penyertaan dalam pinjaman dan sekuriti derivatif. Di samping itu, pelabur harus sedar tentang risiko yang berkaitan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka akan digunakan oleh Dana.

Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana Sasaran

Risiko Sekuriti

Pergerakan harga yang buruk dalam sekuriti tertentu yang dilaburkan oleh Dana Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana Sasaran. Pengurus Dana Sasaran berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

Risiko Pengurusan Dana Sasaran

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana Sasaran.

Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana Sasaran

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana Sasaran akan terjejas dengan itu, Dana Sasaran akan

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana Sasaran (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana Dana Sasaran mahupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

Risiko Negara-Negara atau Sekuriti-Sekuriti Asing

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana Sasaran dan maka juga boleh menjejaskan nilai aset bersih Dana Sasaran.

Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti.

Pengurus Dana Sasaran akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana Sasaran diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Dana Sasaran juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematik, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini.

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

Risiko Mata Wang

Pelaburan dasar Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana Sasaran. Prestasi Dana Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana Sasaran.

Risiko Caj-Caj kepada Modal

Caj-caj dan perbelanjaan Dana Sasaran diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

Sekatan pada Pelaburan Asing

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana Sasaran untuk membuat pelaburan yang diingini pada masa tersebut.

Risiko Derivatif

Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keupayaan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran ini. Pengurus Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keupayaan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika pengurus dana tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, dana

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam dana. Penggunaan kontrak depan pertukaran asing untuk aktiviti lindung nilai ini pula boleh menimbulkan risiko pengendalian dan garis panduan tambahan dan risiko-risiko ini diuraikan dalam keterangan terperinci mengenai pengurusan risiko derivatif dan prosedur penggunaan kami yang dilampirkan, di mana lindung nilai mata wang merupakan satu bahagian kecil.

Risiko yang berkaitan dengan pelaburan melalui Stock Connect

Undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan Stock Connect adalah tertakluk kepada perubahan yang mungkin mempunyai kesan negatif. Stock Connect tertakluk kepada had-had kuota. Kalau penggantungan dalam program perdagangan berlaku, keupayaan Dana Sasaran untuk melabur di China A Shares atau mengakses pasaran PRC melalui program akan terjejas dengan ketara. Dalam keadaan demikian, keupayaan Dana Sasaran untuk mencapai objektif pelaburannya mungkin terjejas.

Senarai di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko yang lengkap, yang perlu dipertimbangkan oleh pemegang polisi sebelum membuat pelaburan dalam Dana. Pemegang polisi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.

Pengurusan Risiko

Risiko Ramalan

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

Kawalan Sistem

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

• Pasaran Sasaran

Dana ini sesuai untuk Pemegang Polisi yang:-

- Mencari peningkatan modal yang tinggi dalam tempoh pelaburan jangka masa panjang.
- Mempunyai toleransi risiko yang tinggi

• Dasar dan Kekerapan Tarikh Penilaian

- Penghargaan unit dibuat setiap hari.
- Harga unit bagi Dana ini pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.
- Nilai Dana ialah nilai semua aset dana **PRU**link global selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyelenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("Prudential") ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.
- Prudential akan menilai dana-dana **PRU**link global tersebut pada akhir hari perniagaan ("Tarikh Penilaian"). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana **PRU**link global yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana **PRU**link global akan ditentukan oleh Prudential pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).
- Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk nilai dana untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh Dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.

PRUlink Asia opportunities fund (USD)

Semua data seperti pada 31 August 2018 melainkan jika dinyatakan

• Keadaan-keadaan luar biasa

- Prudential tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana PRUlink global yang lebih pada suatu Hari Penilaian.
- Prudential juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.
- Prudential mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana PRUlink global.

Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.